

**PERWARISAN MATA WANG KRIPTO: CABARAN DAN PENYELESAIAN DALAM
PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG HARTA ISLAM DI MALAYSIA**

***CRYPTOCURRENCY INHERITANCE: LEGAL CHALLENGES AND ISLAMIC ESTATE
ADMINISTRATION IN MALAYSIA***

^{i*} Syaryanti Hussin, ⁱⁱ Zahari Mahad Musa, ⁱⁱⁱ Adzidah Yaakob ^{iv} Rabbiah Balqis Gopal Abdullah, ^v Nurul Anis Rostam, ^{vi} Siti Hajar Sulaiman & ^{vii} Nur Sarah Syahidah Md. Sabri

^{i, ii, iii.} Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia, 78100 Nilai, Malaysia

^{iv, v, vi, vii.} Pelajar Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP), Fakulti Syariah dan Undang-undang, Sesi Akademik 2023/2024. Universiti Sains Islam Malaysia, 78100 Nilai, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: syaryanti@usim.edu.my

ABSTRACT

The inheritance of cryptocurrency is an increasingly relevant issue within the administration of Islamic estate law in Malaysia, particularly in light of the rapid development of blockchain technology and digital currencies. This is compounded by the fact that state muftis have issued differing fatwas, resulting in a lack of harmonised legal frameworks and guidelines regarding the use of cryptocurrency among Malaysians. This study aims to analyse the key challenges faced by the Islamic estate administration system in managing the inheritance of cryptocurrency and to propose practical solutions. Among the main challenges identified are the absence of clear legal guidelines, uncertainty surrounding the Islamic legal status of cryptocurrencies, and technical issues related to the verification and transfer of these digital assets. This study also discusses how cryptocurrencies differ from traditional assets such as cash and real estate, as well as the implications for inheritance and asset distribution under Islamic law. The paper offers several recommendations, including the introduction of more detailed fatwas and regulatory frameworks on cryptocurrency, the establishment of digital waqf instruments to facilitate the inheritance process, and the need for formal recognition from both religious and legal perspectives. It is hoped that the findings of this study will provide guidance to authorities, legal practitioners, and the Muslim community in managing digital assets in a more systematic and Shariah-compliant manner.

Keywords: *Inheritance, Cryptocurrency, Digital Assets, Fatwa, Islamic Estate Administration, Blockchain Technology.*

ABSTRAK

Perwarisan mata wang kripto merupakan isu yang semakin relevan dalam konteks pentadbiran harta Islam di Malaysia, terutama dalam menghadapi perkembangan pesat teknologi blockchain dan mata wang digital. Hal ini kerana kebanyakan mufti bagi negeri-negeri mengeluarkan fatwa yang berbeza dan tiada keselerasan undang-undang dan garis panduan berkaitan penggunaan mata wang kripto bagi rakyat Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis cabaran-cabaran utama yang dihadapi oleh sistem undang-undang harta Islam dalam pengurusan perwarisan mata wang kripto dan mencadangkan penyelesaian yang praktikal. Antara cabaran utama yang dikenal pasti adalah kekurangan garis panduan undang-undang yang jelas, ketidakpastian status mata wang kripto dari perspektif hukum Islam, serta masalah teknikal berkaitan pengesahan dan pemindahan aset digital ini. Kajian ini juga membincangkan bagaimana mata wang kripto berbeza daripada aset komoditi seperti wang tunai dan hartanah, serta implikasi terhadap perwarisan dan pengagihan harta menurut hukum Islam. Penulisan ini mengemukakan beberapa cadangan termasuk pengenalan fatwa dan peraturan yang lebih terperinci mengenai mata wang kripto, penubuhan instrumen wakaf digital yang memudahkan proses perwarisan mata wang kripto, dan pentingnya pengiktirafan dari perspektif agama dan perundangan. Dengan harapan, hasil kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak berkuasa, pengamal undang-undang, dan masyarakat Islam dalam menguruskan harta digital secara lebih sistematik dan sah mengikut prinsip Islam.

Kata kunci: Perwarisan, Mata Wang Kripto, Aset Digital, Fatwa, Pentadbiran Undang-Undang Harta Islam, Teknologi Blockchain.

Pendahuluan

Pada zaman serba digital ini, kemajuan pesat dalam teknologi kewangan telah memperkenalkan bentuk baru aset yang dikenali sebagai mata wang digital atau dikenali juga sebagai mata wang kripto. Mata wang kripto merupakan mata wang secara maya yang membolehkan perpindahan wang dilakukan lebih pantas dan menjimatkan kos jika dibandingkan dengan sistem kewangan pada hari ini. Ia dilindungi oleh kriptografi yang mana ia berfungsi untuk melindungi transaksi di dalam mata wang digital ini sekaligus menjadikan mata wang digital ini mustahil untuk digodam. Mata wang digital ini juga dapat memberikan tahap keselamatan yang tinggi kepada pengguna berbanding menggunakan wang fizikal dimana penyimpanan aset digital ini adalah melalui “e-wallet”.

Mata wang kripto ini merupakan salah satu ‘*decentralized network/system*’ yang menggunakan ‘*blockchain technology*’ yang dicipta oleh Satoshi Nakamoto, seorang warganegara Jepun pada tahun 2019 (Hayes, 2024). ‘*Decentralized network/system*’ bermaksud tiada orang yang mengawal mata wang digital yang dipunyai oleh seseorang dan tiada orang tengah yang mempunyai kawalan ke atasnya. Ia adalah berlainan dengan mata wang fiat yang dikawal oleh bank-bank di Malaysia. Tujuan Satoshi Nakamoto mewujudkan mata wang digital ini adalah untuk menampung kekurangan wang fiat atau sebagai mata wang alternatif kepada sistem mata wang fiat yang sedia ada. Ia berfungsi sama seperti mata wang biasa dimana ia juga digunakan sebagai penukaran untuk mendapatkan barangan atau perkhidmatan di mana-mana tempat yang menerima mata wang digital ini. Antara lain penggunaan mata wang digital yang menjadi tumpuan penggunaannya adalah sebagai medium pelaburan dan simpanan “e-wallet”.

Mata wang digital ini juga mempunyai tempat untuk berurusniaga iaitu melalui platform ‘*Cryptocurrency Exchange*’. Terdapat enam sahaja platform ‘*Cryptocurrency Exchange*’ yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia yang mengawal dan menyelia apa-apa bentuk pelaburan di Malaysia iaitu Hata Digital Sdn Bhd, Luno Malaysia Sdn Bhd, MX Global Sdn Bhd, Sinergy Technologies (M) Sdn Bhd, Tokenize Technology (M) Sdn Bhd dan Torum International Sdn Bhd Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. (n.d.). *Digital assets exchange (DAX) operators*. <https://www.sc.com.my/digital-assets>. Namun, terdapat satu cabaran besar yang timbul berkaitan dengan perwarisan aset digital ini terutama dalam konteks undang-undang harta Islam di Malaysia, meskipun penerimaan mata wang kripto ini semakin meningkat.

Sistem perwarisan dalam Islam, yang dikenali sebagai faraid, memberikan garis panduan yang jelas mengenai pengagihan harta pusaka kepada waris berdasarkan hukum syarak. Cabaran mula muncul apabila sistem pengagihan harta pusaka melalui faraid ini diterapkan kepada mata wang kripto, yang sifatnya tidak dapat dilihat secara fizikal dan terdesentralisasi. Mata wang kripto tidak memiliki bentuk fizikal yang boleh dilihat atau dikesan secara mudah, dan ia tidak diiktiraf sebagai aset tradisional di dalam sistem kewangan konvensional.

Oleh itu, ia menimbulkan persoalan tentang bagaimana cara yang sah dan adil untuk mengagihkan harta ini mengikut prinsip faraid, yang memerlukan pengesahan dan pembahagian harta kepada waris yang berhak. Dari aspek Syariah pula, timbul permasalahan sama ada mata wang kripto ini diharuskan dan memenuhi spesifikasi mata wang menurut Syariah. Terdapat juga perselisihan di kalangan sarjana Islam tentang penggunaan dan status mata wang kripto atau mata wang digital tersebut. Permasalahan yang disebutkan menyebabkan wujudnya cabaran untuk mewariskan aset digital tersebut kepada ahli waris memandangkan sesetengah sarjana Islam juga berpendapat mata wang digital merupakan harta yang memiliki nilai.

Latar Belakang Masalah

Latar belakang perwarisan mata wang kripto dalam konteks pentadbiran undang-undang harta Islam di Malaysia adalah isu yang semakin penting seiring dengan perkembangan pesat teknologi dan pengembangan mata wang kripto sebagai aset digital. Menurut undang-undang Islam, dalam tradisi perwarisan harta orang Islam, terdapat prinsip-prinsip tertentu yang perlu dipatuhi seperti membahagikan harta mengikut faraid yang ditentukan oleh syariat. Namun, dengan kemunculan mata wang digital (cryptocurrency) seperti Bitcoin, Ethereum dan lain-lain, penggunaan mata wang digital tersebut semakin mendapat tempat dalam ekonomi global, termasuk di Malaysia. Persoalan mengenai bagaimana harta digital ini perlu diuruskan dalam perwarisan menjadi semakin kompleks dan menimbulkan cabaran yang signifikan dari segi syariah dan undang-undang. Antara latar belakang yang dapat menyelidik kenal pasti adalah:

- i. Ketiadaan garis panduan khusus dalam Syariah.
- ii. Kesukaran dalam pentadbiran mata perwarisan wang kripto mengikut undang-undang harta Islam di Malaysia.
- iii. Jurang perundangan di Malaysia yang menyebabkan perwarisan mata wang kripto ini sukar untuk diurus tadbir oleh waris; dan
- iv. Tanggapan hukum syarak terhadap 'blockchain'.

Objektif Kajian

Objektif utama dalam kajian mengenai “*Perwarisan Mata Wang Kripto: Cabaran dan Penyelesaian dalam Pentadbiran Undang-Undang Harta Islam di Malaysia*” adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis isu utama perwarisan mata wang kripto atau mata wang digital di Malaysia berdasarkan perspektif hukum Islam. Ini termasuk menganalisis kesukaran dalam mengenal pasti status sah harta digital ini, serta halangan yang mungkin dihadapi oleh waris dalam mengakses atau menguruskan aset tersebut. Selain itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis kepentingan pengurusan aset digital dalam sistem perundangan Islam di Malaysia termasuk bagaimana mata wang kripto ini boleh diterima sebagai aset yang sah menurut sistem perundangan Islam dengan pendekatan yang boleh diambil untuk mengakui dan menguruskan perwarisan aset digital ini dengan adil.

Objektif lain kajian ini juga adalah untuk membincangkan penyelesaian dari sudut syariah dan undang-undang yang boleh diambil oleh pihak berwajib dan individu untuk mengatasi masalah yang berkaitan dengan perwarisan mata wang kripto ini termasuk mencadangkan penubuhan mekanisma perundangan, serta prosedur yang lebih jelas di sisi undang-undang bagi memastikan waris dapat mewarisi aset kripto dengan mudah dan mengikut hukum syarak. Kajian ini juga bertujuan untuk mencadangkan agar pihak kuasa berwajib, pengamal undang-undang, ahli dalam hal-hal agama dan pihak-pihak yang terlibat dalam industri mata wang kripto berkerjasama dalam membangunkan dasar-dasar yang sesuai untuk

menangani isu-isu perwarisan mata wang kripto ini dalam kerangka perundangan Islam yang efektif dan jelas. Dengan objektif-objektif ini, kajian ini dapat memberikan pandangan yang lebih mendalam untuk menangani isu-isu yang berkaitan dengan perwarisan mata wang kripto dalam konteks pentadbiran undang-undang harta Islam di Malaysia

Kepentingan Kajian

Hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat menjadi suatu pengetahuan yang berguna kepada penyelidik serta kepada masyarakat dan semua pihak mahupun institusi, yang turut terlibat dalam pengurusan mata wang kripto sebagai perwarisan harta menurut syariah Islam. Kemunculan mata wang kripto telah mencetuskan cabaran baru dalam pentadbiran harta Islam, terutama berkaitan dengan cara mengenal pasti, mengurus, dan mengagihkan aset digital yang tidak tampak dan terikat dengan sistem kewangan yang sedia ada. Kertas kerja ini membantu dalam mengenalpasti cabaran-cabaran tersebut dan memberikan panduan tentang cara mengatasi dan solusi berdasarkan perspektif Syariah dan undang-undang Malaysia. Penyelesaian yang dicadangkan dalam kertas kerja ini berperanan dalam memastikan bahawa tiada pihak yang dirugikan serta memberi jaminan bahawa pengagihan harta dilakukan dengan cara yang sah dan beretika menurut undang-undang Islam. Kajian kes ini akan meneroka pendekatan undang-undang yang berkesan seperti hibah, wasiat dan lain-lain, oleh kerana penyelidik yakin bahawa ia boleh membantu mana-mana individu untuk merancang serta mengurus perwarisan harta mata wang kripto ini secara lebih sistematik dan mengikut hukum Islam. Secara keseluruhan, penulisan kertas kerja ini sangat penting untuk memberi panduan tentang cara menangani isu perwarisan harta yang melibatkan mata wang kripto dalam kerangka undang-undang harta Islam di Malaysia, serta untuk mencari jalan penyelesaian yang bersesuaian dengan cabaran semasa.

Kerangka Teoritis

Definisi Mata Wang Digital

Secara umumnya, wang merupakan alat pertukaran untuk mendapatkan sesuatu benda yang lain. Apa-apa sahaja alat yang digunakan sebagai gantian kepada barang yang ingin dimiliki, maka alat itu dikira sebagai wang, dan ianya pasti mempunyai nilai tertentu berdasarkan kepada nilai barang tersebut. Ciri-ciri umum bagi wang ini adalah ianya mesti diterima umum secara sepakat, sebagai contoh Masyarakat menjadikan kertas sebagai medium pertukaran untuk mendapatkan sesuatu barang atau benda yang lain. Selain itu, antara ciri asas yang lain termasuklah ianya bernilai stabil, seragam, mudah dibahagikan, mudah dibawa, mudah dikenali dan tahan lama.

Penggunaan wang ini telahpun digunakan sekian lama sejak sebelum zaman Rasulullah lagi, yang mana mereka menjadikan emas dan perak sebagai medium pertukaran untuk mendapatkan atau memiliki sesuatu barang berharga yang lain yang disebut juga sebagai perbuatan jual beli. Hal ini kerana emas dan perak pada zaman dahulu dilihat sebagai sesuatu aset yang berharga lalu menjadikan kedua-dua alat ini sebagai sesuatu yang bernilai tinggi dan menjadikan status pemilikan kepada yang lain menjadi kekal. Oleh itu, kita dapat mengetahui secara asas fungsi penggunaan wang ini termasuklah menjadi perantara kepada urusan jual beli barang dan perkhidmatan.

Saban zaman kian berubah dan ekonomi global turut mengalami perubahan yang drastik menyebabkan wang juga berevolusi dan berkembang menjadi mata wang disebabkan sistem jual beli digunapakai serentak di pasaran global. Oleh itu, mata wang merupakan jenis wang yang digunapakai untuk membeli barangan dan perkhidmatan. Jika dahulu urusan jual beli hanya menggunakan emas dan perak Sahaja, namun kini wang dilihat berkembang pesat dan mempunyai pelbagai jenis dan bentuk fizikal seperti bil kertas dan syiling yang biasa dikenali seperti dolar AS, Ringgit Malaysia dan lain-lain mengikut jenis mata wang apa yang ingin digunakan di negara tersebut.

Selain mata wang biasa atau tradisional, zaman moden kini telah mewujudkan satu lagi jenis mata wang yang disebut sebagai mata wang digital. Mata wang jenis ini hanya wujud dalam bentuk elektronik dan tidak terdapat dalam bentuk fizikal seperti mata wang yang lain dan ianya hanya biasa digunakan di dalam talian seperti perbankan dalam talian dan sistem pembayaran elektronik seperti PayPal. Sama juga seperti mata wang kripto yang diwujudkan secara dalam talian, boleh diakses melalui komputer

dan telefon pintar yang mana ianya didagangkan menggunakan teknologi selamat untuk mengawal penciptaan dan transaksi mereka.

Seperti mata wang lain, mata wang kripto juga telah menjadi aset pemilikan bagi sesetengah Masyarakat yang mahir menggunakannya. Dapat diketahui, kadar nilai digital yang direkodkan pada data lejar digital sama ada berbentuk kriptografi yang berfungsi sebagai medium pertukaran dan boleh ditukar dengan mata wang termasuk kredit dan debit bagi sesuatu akaun. Contoh yang termasuk dalam mata wang kripto ialah Bitcoin, mata wang digital bank pusat (CBDC) dan juga mata wang digunakan dalam permainan dalam talian. Oleh itu, aset digital ini bergantung pada kriptografi untuk keselamatan, tidak berpusat dan dibina melalui teknologi blockchain.

Takrif Mal Mutaqawwam

Menurut sudut pandang syariah, sesuatu aset yang dimiliki oleh seseorang itu disebut sebagai harta. Perkataan harta dalam Bahasa Arab dikenali sebagai mal (مال). Mohd Asyadi dan Mohd Zaki dalam penulisan mereka menyatakan bahawa mal merupakan pemilikan manusia ke atas sesuatu perkara sama ada barang atau perkhidmatan. Perkataan ini banyak digunakan untuk benda-benda lain yang disimpan atau dimiliki seperti binatang ternakan, emas dan perak yang mudah didapati dan disimpan.

Dari sudut istilah syarak, harta terbahagi kepada beberapa pendapat ulama fuqaha. Ulama as-Syafie berpendapat bahawa harta merupakan sesuatu yang bernilai dan mesti dibayar ganti rugi jika berlaku kerosakan. Ulama Maliki pula mengatakan bahawa sesuatu itu hanya boleh dikategorikan sebagai harta jika ianya digunakan oleh pemiliknya dan sesuatu itu diperolehi dengan cara yang sah. Al-Hijawi yang merupakan ulama bermazhab Hanbali menyatakan bahawa apa-apa sahaja yang terdapat di muka bumi ini adalah berguna kepadanya semasa keadaan biasa dan bukannya semasa darurat, maka ianya boleh dikelaskan sebagai harta. Dan ulama Hanafi pula menyatakan bahawa sesuatu yang secara adatnya dikehendaki oleh manusia dan tidak memudaratkan, maka ia boleh dipanggil sebagai harta.

Namun begitu, dalam mengenali konteks ini lebih lanjut, harta yang dimiliki oleh seseorang itu mestilah harta yang boleh disimpan dan boleh dimanfaatkan kepada dirinya mahupun kepada orang lain. Hal ini disebut sebagai mal mutaqawwam. Mutaqawwam dari sudut bahasanya berasal dari Bahasa Arab iaitu taqawwum, taqawwama yang merujuk kepada perbuatan menilai sesuatu atau menjelaskan nilainya. Dalam fuqaha Hanafi telah membahaskan mal mutaqawwam merupakan harta yang menepati ciri-ciri yang telah ditetapkan oleh fuqaha iaitu harta itu boleh disimpan dan boleh dimanfaatkan oleh manusia secara adatnya. Taqawwum sesuatu harta itu adalah berdasarkan wujudnya ia yang membolehkan ia disimpan mahupun dikawal.

Selain itu, ulama Jumhur juga mendefinisikan mal mutaqawwam sebagai harta yang dibenarkan oleh syarak yang boleh memanfaatkan diri seseorang dan bernilai menurut adat manusia pada sesuatu zaman itu. Jumhur fuqaha juga telah meringkaskan syarat-syarat yang perlu dipenuhi sekiranya harta tersebut ingin dikategorikan sebagai mal mutaqawwam. Antaranya ialah:

- a. Harta itu diizinkan oleh syarak untuk diambil manfaatnya;
- b. Harta yang dimiliki itu merupakan sesuatu yang bernilai pada pandangan manusia; dan
- c. Harta itu dimiliki secara sah iaitu cara mendapatkan harta itu dibenarkan oleh Syarak.

Oleh itu, sekiranya sesuatu harta itu tidak mencapai ciri-ciri yang disebutkan, maka harta itu dikelaskan sebagai mal ghair mutaqawwam iaitu harta yang tidak mampu diambil manfaatnya mahupun disimpan.

Berbalik pada konteks yang disampaikan ini, status aset mata wang kripto masih lagi menjadi tanda tanya dan kekeliruan kepada sesetengah pihak sama ada mata wang kripto ini dikategorikan sebagai mal mutaqawwam mahupun mal ghair mutaqawwam. Oleh yang demikian, kami beranggapan bahawa mata wang kripto ini boleh dikategorikan sebagai mal mutaqawwam kerana dilihat mampu memenuhi syarat yang telah ditetapkan oleh Syarak. Mata wang kripto dilihat mampu memanfaatkan orang ramai

kerana kemampuannya untuk dijadikan pertukaran kepada benda-benda lain seperti transaksi urus niaga dalam talian khususnya dan boleh membeli sesuatu yang lain menggunakan mata wang kripto ini. Selain itu, mata wang kripto juga mempunyai nilainya yang tersendiri yang mana ianya diurus tadbir oleh sistem teknologi blockchain yang bersifat terbuka disebabkan oleh pengaliran nilai itu dipantau oleh serata dunia. Mata wang kripto merupakan aset yang boleh dimiliki secara atas talian sebagaimana masyarakat mendapatkan emas digital, begitu juga dengan mata wang kripto.

Penilaian Perspektif Syariah

Seperti yang telah dinyatakan, kami mengambil pandangan daripada Sheikh Dr. Abdullah al-Salmi yang merupakan ulama kontemporari dan Ahli Majlis Tertinggi Badan Kehakiman Negara Arab Saudi. Beliau dalam konteks ini berpendapat bahawa memang diakui terdapat beberapa kesamaran dan kurang jelas yang mengelilingi mata wang ini, di mana nilainya berbeza dari satu unit kepada unit mata wang yang lain mengikut sifat dan platform yang menawarkannya. Beliau bersetuju dengan menganggap mata wang kripto sebagai komoditi yang dibenarkan pada dasarnya, mengikut prinsip undang-undang yang mana asas dalam urus niaga adalah dibenarkan melainkan terdapat nas yang bertentangan.

Dr. Al-Salmi menambah lagi bahawa ketetapan undang-undang Syarak berbeza mengikut jenis mata wang digital. Ianya terbahagi kepada tiga kategori:

- i. Jika berdasarkan transaksi yang dilarang seperti judi atau arak, maka ia tidak boleh dan haram.
- ii. Jika ia dilakukan melalui transaksi riba dengan maksud ia dilakukan melalui platform yang berurusan dengan riba, ia tidak dibenarkan untuk memperolehnya atau berurusan dengannya.
- iii. Jika berdasarkan asal yang dibenarkan iaitu ia digunakan oleh peniaga dan pelabur sebagai simpanan atau pelaburan jangka panjang tanpa spekulasi, maka ia dibenarkan dan tidak ada larangan di dalamnya.

Dalam pada itu, mengikut kaedah fihiyyah yang selalu digunakan bagi menyelesaikan isu kontemporari, kaedah yang sesuai digunakan dalam konteks ini ialah asal bagi sesuatu adalah harus. Hal ini kerana sifat dan ciri mata wang kripto telah memenuhi syarat mata wang yang dibenarkan oleh Syarak sebagaimana ianya mempunyai nilai yang diiktiraf oleh masyarakat sekeliling, diterima sebagai tender yang sah disebabkan oleh nilainya yang boleh diukur dan boleh digunakan sebagai unit pengiraan dan juga ianya terpakai kepada sesetengah masyarakat yang mahir menggunakan dan menguruskannya untuk membuat pembayaran urus niaga. Oleh itu, mata wang kripto dikategorikan juga sebagai masalah tahsiniyyat iaitu masalah yang diperlukan sebagai kesempurnaan untuk menjaga kehormatan hidup manusia yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik serta meninggalkan keadaan yang buruk menurut akal yang waras yang mana mata wang kripto ini diperlukan bagi menjamin kelancaran hidup manusia dalam sesebuah masyarakat.

Konsep Pewarisan Harta Wang Kripto

Sejak dahulu lagi, pembahagian harta pusaka merupakan satu tindakan penting dalam sesebuah keluarga Muslim bagi memastikan harta pusaka disalurkan dengan adil dan saksama kepada ahli waris yang berhak menerimanya. Pembahagian harta pusaka perlulah dilakukan sejurus selepas kematian salah seorang ahli keluarga kerana dalam pensyariat Islam untuk mengagihkan harta peninggalan si mati. Pengurusan mewariskan harta dengan betul dapat mencegah konflik dalam keluarga serta menyelamatkan harta pusaka daripada menjadi harta beku disebabkan tiada siapa yang hendak mentadbir urus harta tersebut. Dalam surah an-Nisa' ayat 11, Allah telah berfirman:

يُوصِيكُمُ اللَّهُ فِي أَوْلَادِكُمْ ۖ

Maksudnya: “Allah perintahkan kamu mengenai (pembahagian harta pusaka untuk) anak-anak kamu”.

Dan juga berdasarkan hadis daripada Abdullah bin ‘Abbas r.a. bahawa Rasulullah SAW bersabda:

أَحِقُّوا الْفَرَائِضَ بِأَهْلِهَا، فَمَا بَقِيَ فَهُوَ لِأَوَّلَى رَجُلٍ ذَكَرَ

Yang bermaksud: “Hendaklah kamu berikan fardu-fardu kepada ahli-ahlinya, apa yang berbaki maka untuk lelaki yang lebih utama.” (Riwayat al-Bukhari)

Melalui kedua-dua dalil dapat kita ketahui bahawa pengurusan harta pusaka amat dituntut oleh Syarak bagi memastikan ahli waris mendapat hak yang sepatutnya.

Metodologi Kajian

Bagi mencapai objektif kajian ini, pendekatan kajian kualitatif telah dipilih. Memandangkan kajian ini membincangkan konsep mata wang kripto sebagai mata wang dari perspektif Syariah, penggunaan penyelidikan kualitatif adalah sesuai digunakan. Untuk mendapatkan maklumat tentang mata wang kripto dari perspektif Syariah, para penyelidik telah mengkaji karya sarjana Islam terdahulu dan kontemporari terkemuka yang membincangkan mata wang dan topik berkaitan kajian ini. Data dan maklumat mengenai mata wang kripto dari perspektif Syariah diperoleh daripada pendapat akademik, fatwa, jurnal dan kertas kerja persidangan terkini. Selain itu, maklumat dan data mengenai konsep mata wang kripto dikumpul daripada pelbagai sumber seperti, buku, jurnal, laporan, kertas persidangan, dan beberapa laman web yang boleh dipercayai. Semasa mengumpul data, penyelidik memfokuskan kepada sumber rujukan yang relevan dan berguna dalam mencapai objektif kajian. Penyelidikan ini melihat kepada pendapat yang mengharuskan dan juga yang mengharamkan mata wang kripto. Kedua-dua pendapat tersebut memberikan pertimbangan yang adil dan sama rata. Dalam kajian ini, pendekatan penyelidikan penjelasan membantu penyelidik untuk menerangkan kedua-dua konsep mata wang yang menurut Syariah serta mata wang kripto. Tambahan pula, kajian ini juga menggunakan kaedah analisis dokumen untuk meneliti dan mendapatkan maklumat yang ada bagi menjelaskan pertikaian mata wang kripto sebagai mata wang yang diiktiraf oleh hukum syarak dan mengikut perspektif Syariah.

Cabaran Perwarisan Mata Wang Kripto

Aset kripto ialah mata wang digital yang digunakan untuk bertransaksi melalui jaringan internet secara maya, yang dicipta menggunakan teknologi kriptografi. Mata wang kripto memungkinkan perniagaan internet berjalan dengan ciri keselamatan, iaitu dimana ianya hampir tidak boleh digandakan atau dipalsukan. Mata wang kripto adalah jaringan teknologi terdesentralisasi, blockchain sehingga tidak boleh dikendalikan oleh mana-mana kerajaan pusat dan menjadikan aset ini secara teorinya tidak boleh diubah. Dengan itu, segala-galanya yang berasal daripada pihak ketiga tersebut boleh disingkirkan, seperti kos pindahan dan sebagainya. Aset kripto tidak disimpan di lembaga atau individu.

Antara kelebihan mata wang kripto adalah ciri keselamatannya yang bersifat terdesentralisasi dan membolehkan satu transaksi di antara dua pihak dijalankan secara langsung tanpa memerlukan satu pihak ketiga seperti bank untuk menguruskan transaksi tersebut. Penggunaan teknologi tinggi berbentuk kunci awam dan kunci peribadi telah membolehkan mata wang fiat ditukar kepada mata wang kripto untuk pindahan dan kemudian ditukar semula kepada mata wang fiat sekiranya diperlukan. Kemudahan teknologi di hujung jari ini telah mempercepatkan transaksi bertrillion ringgit dijalankan dalam masa yang singkat dan tanpa had sempadan (*borderless*). Tentunya paradigma moden terdesentralisasi ini telah memberi keyakinan baru kerana tidak perlu lagi adanya institusi perbankan berpusat atau Lembaga yang perlu mengawalselia keselamatan transaksi kewangan sepertimana dalam transaksi kewangan konvensional.

Sungguhpun demikian, tidak dapat dinafikan bahawa masih terdapat beberapa cabaran dan isu yang perlu ditangani dalam pengurusan mata wang kripto khasnya pengurusan pewarisan harta menurut undang-undang Islam di Malaysia.

Isu Teknologi

(a) Kebergantungan pada Teknologi

Salah satu cabaran utama dalam pewarisan mata wang kripto adalah kesukaran mengakses dompet digital oleh pewaris. Setiap pengguna akan memiliki jurnal digital (blockchain) yang akan mencatat semua transaksi yang dilakukan oleh semua penggunanya dan boleh menentukan jumlah koin yang dimiliki pada setiap masa matan. (Frankenfield, n.d.). Walaupun ia telus dan terbuka, seseorang tidak dapat mengetahui nama, alamat atau maklumat peribadi lain selain daripada alamat kripto, yang mempunyai bentuk yang serupa dengan nombor ‘reckoning’. (Baswedan, 2019)

Istilah “*wallet*” atau dompet digunakan dalam dunia cryptocurrency untuk menggambarkan tempat di mana aset koin kripto boleh disimpan untuk dikelola. Terdapat tiga kategori dompet digital mata wang kripto berbeza. iaitu dompet panas, dompet dingin, dan dompet kertas digital yang lain, tetapi satu perkara yang membezakan dompet kripto daripada yang lain adalah bahawa dompet kripto terhubung ke sistem blockchain, yang membolehkan untuk menerima atau menghantar aset kripto. (Binance Academy, n.d.)

Kod awam bursa akan digabungkan dengan kunci peribadi dan menjadikannya satu kod rahsia, untuk mengendalikan proses yang dilakukan oleh algoritma kriptografi semasa proses enkripsi. Kunci peribadi adalah alfanumerik kompleks yang direka untuk memastikan keselamatan aset digital. Bagaimanapun, sekiranya pemilik asal meninggal dunia tanpa mewariskan maklumat kunci peribadi ini, aset digital tersebut tidak dapat diakses oleh sesiapa. Tidak ada salinan fizikal atau pengganti yang tersedia untuk kunci ini, menyebabkan aset menjadi tidak dapat dicapai. (Abdullah et al., 2021)

Dengan kata lain, kunci peribadi adalah sama dengan kata kunci (password) yang boleh digunakan untuk mendapatkan akses kepada dompet kripto. Sekiranya seseorang pengguna tidak mempunyai kunci peribadi, ia seolah-olah memberi wang mereka kepada orang lain untuk disimpan tetapi tidak dapat diakses. Sekiranya kunci peribadi (private key) tidak diketahui atau hilang. Sungguhpun demikian pada masa ini, kebanyakan dompet web membolehkan untuk seseorang pengguna untuk mengelola kuncinya, sama ada sepenuhnya atau melalui kawalan bersama melalui sejumlah tanda tangan.

(b) Risiko Kehilangan atau ketiadaan maklumat berkaitan aset kripto

Kelemahan pengetahuan waris tentang aset digital dan penggunaannya juga merupakan satu cabaran dalam menguruskan harta kripto. Walaupun dokumen seperti wasiat dapat membantu, ramai pemilik aset digital tidak menyedari keperluan untuk memasukkan butiran akses ke dompet digital dalam dokumen rasmi mereka. Situasi ini menghalang pelaksanaan pewarisan harta mengikut syariah, kerana aset yang tidak dapat diakses tidak dapat diagihkan kepada waris yang sah. (Amalia et al., 2024)

Kekurangan Garis Panduan Syariah

Kedudukan mata wang digital atau aset digital seperti wang kripto dalam pewarisan Islam menjadi isu penting kerana ketiadaan garis panduan syariah yang jelas. Kekurangan fatwa yang komprehensif menyebabkan kesukaran dalam mentadbir pewarisan aset digital mengikut prinsip syariah. Mata wang kripto menggunakan teknologi blockchain dan kriptografi yang kompleks untuk menjamin keselamatan transaksi dan privasi. Namun, terdapat perdebatan mengenai kesahihan penggunaannya dari segi syariah kerana sifatnya yang tidak berwujud secara fizikal (*intangible*), volatiliti harga yang tinggi, serta potensi digunakan dalam aktiviti tidak sah.

Dalam pewarisan Islam, aset perlu dikenal pasti dengan jelas untuk diagihkan kepada waris. Namun, sifat mata wang digital yang bergantung kepada kunci peribadi menjadikannya mencabar untuk dikenalpasti dan dipindahkan kepada waris jika kunci peribadi hilang atau tidak didokumenkan. Ketidadaan fatwa yang memberi panduan jelas mengenai kaedah pewarisan aset digital, termasuk aspek penyimpanan maklumat kunci peribadi, pelantikan wakil, dan pematuan syariah dalam transaksi digital merupakan satu cabaran yang mencalit kepastian integriti pewarisan mengikut hukum Islam.

Ketiadaan garis panduan yang jelas boleh mengakibatkan aset digital terkunci selama-lamanya atau disalahgunakan, yang bertentangan dengan semangat keadilan dalam Islam.

Masalah Perundangan

Dari perspektif undang-undang Malaysia, peraturan mengenai aset digital di Malaysia, seperti yang dibaca sebagai Perintah Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Preskripsi Sekuriti) (Mata Wang Digital dan Token Digital) 2019, berkuat kuasa pada Januari 2019 (Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, 2020). Di bawah peraturan SC Malaysia, mata wang digital dan token diklasifikasikan sebagai sekuriti. Garis panduan aset digital SC memerlukan penjaga untuk mewujudkan dan mengekalkan dasar dan prosedur bertulis untuk pelaporan yang telus, kebenaran dan pengasingan fungsi yang betul. Namun begitu, garis panduan yang dikeluarkan oleh SC tidak menggabungkan pewarisan aset digital apabila pemilik meninggal dunia. Selain itu, tiada akta atau enakmen khusus berhubung pewarisan aset digital, khususnya mata wang kripto, sehingga kini di Malaysia telah menyebabkan cabaran besar dalam perancangan harta mata wang kripto. Justeru, ini akan menjadi cabaran utama perancangan harta mata wang kripto di Malaysia yang memerlukan penglibatan kerajaan untuk menangani jurang untuk mengekalkan pembangunan ekonomi dan sosial negara. (Katuk et al., 2022).

Mata wang digital seperti Bitcoin atau Ethereum tidak mempunyai bentuk fizikal dan bergantung sepenuhnya kepada teknologi blockchain untuk pengesahan transaksi. Kekeliruan timbul apabila aset ini tidak diiktiraf secara jelas sebagai harta pusaka dalam sistem undang-undang sedia ada.

Hujah bahawa terdapat unsur *garar* dan *ḍarār*, dalam mata wang kripto adalah sangat lemah dan kurang kukuh. Ini terutamanya kerana semua urusan niaga menggunakan mata wang kripto adalah telus, bertanggungjawab, dan selamat, di mana segala-galanya direkodkan dengan baik dan tepat pada sistem blockchain. Perkara yang paling penting ialah transaksi itu berdasarkan prinsip persetujuan bersama dan tidak berada di bawah tekanan-prasyarat penting dalam perniagaan dan aktiviti ekonomi dalam Islam. Teknologi Blockchain memberikan ketelusan yang sangat tinggi dan jaminan akauntabiliti supaya tiada pihak yang dirugikan kerana sesuatu yang dilindungi sebagai kriteria *garar* dan *ḍarār* dari segi beberapa fatwa. (Faizi, 2023)

Ahli Dewan Ulama Indonesia misalnya, gagal mentafsir istilah *garar* (ketidakpastian) dalam fiqh klasik dalam konteks amalan ekonomi moden. Risiko atau ketidakpastian tidak boleh digunakan untuk mewajarkan penubuhan mata wang kripto sebagai haram. Dari perspektif Islam, sesuatu itu tidak boleh dilabel *ḥarām* kerana ia mengandungi risiko atau ketidakpastian. Risiko adalah semula jadi dan boleh dikurangkan mengikut keperluan. Mengurangkan risiko adalah disyorkan dalam Islam untuk menjaga kepentingan diri sendiri dan orang lain. (Kamali, 1999)

Dalam konteks Islam, semua bentuk harta yang sah di sisi syarak perlu diwarisi, termasuk aset yang tidak berwujud (*intangible*) jika memenuhi syarat halal dan sah. Namun, ketiadaan garis panduan menyebabkan aset ini sering tidak dituntut atau dikendalikan dengan betul. Dalam Islam, harta pusaka dibahagikan mengikut surah *An-Nisa'* ayat 11-12, di mana harta peninggalan si mati harus diagihkan secara adil. Namun, bagi aset digital, masalah timbul apabila tidak ada rekod jelas mengenai kewujudan aset tersebut dalam dokumen rasmi seperti wasiat atau pelantikan pentadbir harta pusaka. Sifat mata wang digital yang memerlukan kunci peribadi untuk akses menambahkan lagi cabaran ini, terutama jika pewaris tidak mempunyai akses ke maklumat tersebut. Contohnya, jika seorang pemilik Bitcoin meninggal dunia tanpa berkongsi kunci peribadi (*private key*) dengan waris, aset tersebut tidak dapat diakses, walaupun bernilai tinggi. Ini berbeza dengan akaun bank konvensional yang boleh dituntut melalui proses mahkamah.

Cadangan Penyelesaian

Dari Perspektif Syariah:

Fatwa yang mengiktiraf mata wang digital sebagai harta boleh diwarisi

Aset digital seperti mata wang kripto memerlukan pengiktirafan sebagai mal (harta) berdasarkan syariah. Harta yang boleh diwarisi mestilah mempunyai nilai, boleh dimiliki dan dimanfaatkan dengan cara yang sah di sisi syariah. Badan fatwa perlu mengeluarkan keputusan khusus yang menegaskan status mata wang digital sebagai harta boleh diwarisi. Contohnya, fatwa boleh menjelaskan syarat pemilikan sah untuk memastikan aset digital memenuhi prinsip syariah. Secara umumnya, para cendekiawan Islam telah berbeza kepada 3 pandangan dalam menentukan hukum bagi bitcoin ini sepertimana yang berikut:

(a) Pandangan yang mengharamkan

1. Darul Iftaa' Misriyyah (Majlis Fatwa Mesir): Keterlibatan dalam urusan bitcoin adalah tidak dibolehkan dari sudut syarak kerana risikonya yang terlalu besar terhadapnya individu dan negara. Antara alasan diharamkan adalah kerana bitcoin tidak menepati syarat untuk diiktiraf sebagai mata wang, ia mempunyai unsur jahalah, gharar dan manipulasi yang amat sukar dikawal dan juga pengeluaran mata wang adalah hak mutlak pemerintah dan institusi kewangan rasmi sesebuah negara.
2. Syeikh Ali Qaradaghi (Setiausaha Agung Kesatuan Ulama Sedunia): Kebanyakan mata wang kripto yang ada pada masa sekarang tidak menepati syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk sesuatu itu diiktiraf sebagai mata wang antaranya medium pertukaran (*medium of exchange*), penyimpanan nilai (*mahkzunat lil tsarwah* atau *store of value*), ukuran kestabilan (*miqyas lil qiyam*) dan ukuran penerimaan umum (*mi'yar li tadawul*).
3. Wifaq al-Ulama (United Kingdom): Bitcoin adalah tidak dibenarkan atas beberapa faktor, iaitu harganya di pasaran yang sangat tidak stabil, serta kaedah penempaan bitcoin (mining) yang mempunyai unsur perjudian.
4. Dr. Ahmad Sufyan Che Abdullah: Terdapat beberapa isu syariah terhadap mata wang ini seperti kadar spekulasi yang tinggi dan mudah berlaku penyelewangan.

(b) Pandangan yang mengharuskan

1. Datuk Dr. Ahmad Daud Bakar (Pengerusi Eksekutif Amanie Advisors) dan Pengerusi Lembaga Penasihat Syariah BNM dan Pengerusi Lembaga Penasihat Syariah SC): Mata wang kripto adalah patuh syariah dan memenuhi semua syarat mata wang yang digariskan serta menyatakan naik turunnya nilai mata adalah perkara biasa yang ditentukan oleh aspek pasaran dan kepercayaan pengguna.
2. Dr. Zaharuddin Abd Rahman (CEO Elzar Shariah Advisory Sdn Bhd): Bitcoin boleh digunakan dalam urusan jual beli kerana ia menepati ciri-ciri mata wang yang digariskan oleh Islam, namun ia bukanlah satu legal tender iaitu mata wang yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa negara.
3. Mufti Muhammad Abu-Bakar: Beliau cenderung untuk mengharuskan bitcoin dengan beberapa syarat antaranya adalah bitcoin hanya diharuskan di negara-negara yang tidak melarang transaksi bitcoin. Adapun jika undang-undang negara tersebut melarang, maka ia turut dilarang daripada sudut syariah. Bitcoin haruslah dijual beli digunakan sebagai satu mata wang menurut tujuan asal ia dicipta dan bukannya sebagai satu aset pelaburan.

(c) Pandangan tawaqquf (belum memberi pandangan secara rasmi)

1. International Shari'ah Reseach Academy for Islamic Finance (ISRA): Jika diukur daripada sudut kebaikan (*maslahah*) pada mata wang ini antara kebaikannya ialah mata wang secara maya bitcoin yang membolehkan perpindahan wang dilakukan lebih pantas dan menjimatkan kos jika berbanding dengan melalui sistem kewangan pada hari ini. Namun di sini bitcoin juga mempunyai beberapa sudut keburukan (*mafsadah*) antaranya sistem keselamatan di bursa dagangan bitcoin juga boleh mengundang masalah apabila pernah beberapa kali digodam sehingga mengakibatkan kerugian bernilai jutaan dolar.

Pembentukan instrumen wakaf digital untuk pewarisan

Wakaf digital yang menggunakan token blockchain boleh menjadi mekanisme pewarisan aset digital yang mesra syariah. Wakaf ini berfungsi melalui smart contracts untuk mengurus aset digital sebagai harta wakaf yang diwariskan kepada penerima manfaat tertentu. Ini akan mempermudah pengurusan dan pemantauan pewarisan melalui sistem yang telus.

Dari Perspektif Teknologi

Blockchain boleh digunakan untuk melaksanakan pewarisan mata wang digital secara automatik melalui *smart contracts*. Teknologi ini dapat memastikan aset hanya diserahkan kepada waris yang sah setelah kematian pemilik. Pelaksanaan sistem ini memerlukan penyesuaian kepada prinsip syariah, seperti memastikan transaksi bebas daripada unsur riba dan gharar. Teknologi ini juga dapat digunakan untuk mendigitalkan dokumen pewarisan untuk memastikan pemindahan harta pusaka dilakukan dengan adil dan efisien.

Definisi yang dimaksudkan '*smart contract*' adalah satu fungsi yang mengemaskan dan melindungi rangkaian komputer melalui penyatuan protokol melalui interface pengguna. *Smart Contract* bekerja dengan memanfaatkan salah satu teknik pemrograman komputer paling sederhana. Jaringan komputer akan menjalankan suatu tindakan transaksi antara dua pihak yang membuat proses tersebut.

Dari Perspektif Undang-Undang

Undang-undang sedia ada perlu diubah atau diperluas untuk mengiktiraf aset digital sebagai harta yang sah di sisi undang-undang. Akta ini boleh memasukkan prosedur untuk merekod, mengenal pasti dan menuntut aset digital selepas kematian pemiliknya. Langkah ini juga boleh merangkumi penyediaan garis panduan tentang pelantikan pentadbir harta untuk aset digital dan pengiktirafan dokumen seperti wasiat digital.

Pembangunan kerangka ini memerlukan kolaborasi antara ahli syariah, pengamal undang-undang, dan pakar teknologi untuk memastikan pewarisan mata wang digital berjalan lancar dan sah di sisi agama dan undang-undang. Perlu ada usaha untuk merangka undang-undang atau fatwa yang memberi status sah kepada aset digital sebagai harta pusaka. Institusi kewangan Islam juga boleh menawarkan perkhidmatan seperti penyimpanan maklumat kunci peribadi yang boleh diakses oleh waris dalam kes pewarisan.

Kesimpulan dan Saranan

Pewarisan mata wang digital memerlukan perhatian yang menyeluruh dari aspek perundangan, syariah dan teknologi bagi memastikan pengurusannya mematuhi prinsip Islam dan selaras dengan perkembangan semasa.

Kerajaan disarankan untuk menggubal undang-undang khusus yang mengiktiraf harta digital sebagai aset sah yang boleh diwarisi. Langkah ini penting untuk memastikan pewarisan mata krypto dapat dilaksanakan dengan adil dan mengelakkan penyalahgunaan aset oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, kerajaan perlu menyediakan kerangka dasar yang melibatkan agensi berkaitan untuk mengenal pasti dan melindungi aset digital secara sah di sisi undang-undang.

Selain itu, dari sudut institusi agama, terdapat keperluan mendesak untuk mengeluarkan fatwa yang mengiktiraf status mata wang digital sebagai *mal* yang boleh diwarisi. Fatwa ini penting bagi memberikan panduan yang jelas kepada umat Islam dalam menguruskan pewarisan aset digital.

Kesimpulannya, pendekatan menyeluruh ini mampu menjamin pengurusan pewarisan mata wang digital yang lebih sah, adil dan sesuai dengan prinsip syariah.

Rujukan

- Abdullah, M. M., Fariddudin, S. N. F., Nor Muhamad, N. H., & Awang, A. B. (2021). Islamic estate planning in the Industrial Revolution 4.0 era: Issues and challenges. *Journal of Emerging Economies and Islamic Research*, 9(2), 40–57. <https://doi.org/10.24191/jeeir.v9i2.12413>
- Amalia, D., Alfiah, I., & Hami, W. (2024). Pembagian harta waris berbentuk cryptocurrency. *Posita: Jurnal Hukum Keluarga Islam*, 2(1). <https://doi.org/10.52029/pjhki.v2i1.156>
- Faizi, A. (2023). Are cryptocurrencies haram? A critical analysis toward MUI's fatwā. *Al-Ihkam: Jurnal Hukum & Pranata Sosial*, 18(2). <https://ejournal.iainmadura.ac.id/index.php/alihkam/article/view/8290>
- Kamali, M. H. (1999). Uncertainty and risk-taking (gharar) in Islamic law. *IIUM Law Journal*, 7(2). <https://heinonline.org/HOL/LandingPage?handle=hein.journals/iiumlj7&div=14>
- Redzuan, M. A., & Razaly, M. Z. (2012). *Mal mutaqawwim menurut perundangan Islam dan implikasinya di dalam kehidupan manusia* (pp. 430–440). <https://www.researchgate.net/publication/263277715>
- Saadon, M. K. K., & Batcho, F. K. (2022). Faraid aset digital di Malaysia (pp. 81–89). https://conference.uis.edu.my/mfifc/images/e-proceeding2022/1017-MOHD_KAMARUL.pdf
- Katuk, N., Abd Wahab, N., & Kamis, N. S. (2023). Cryptocurrency estate planning: The challenges, suggested solutions and Malaysia's future directions. *Digital Policy, Regulation and Governance*, 25(4), 325–340.
- Ashraf, A. M. H., Marjan, M., & Norbik Bashah, N. I. (2022). *Mata wang kripto (cryptocurrency): Satu analisa syarak*. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Al-Zuhaili, W. M. (n.d.). *Kitab al-fiqh al-Islami wa adilatuhu*. Dar al-Fikr.
- Nor Azelan, S. H., Ab Rahman, A., & Mohd Noh, M. S. (2023). Konsep mata wang menurut syariah dan hubungannya dengan mata wang kripto. *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research*, 79–95. <https://doi.org/10.33102/jmifr.496>
- Dhahi, U. (2024). Adakah mata wang digital haram atau halal? <https://daman.reviews/articles/-هل-تداول-العملات-الرقمية-حلال-ام-حرام>
- Wartoyo, W., & Haerisma, A. S. (2022). Cryptocurrency in the perspective of maqasid al-shariah: A critical analysis of the mafsadah (harm) and the maslahah (benefit) of cryptocurrency. *Afkaruna*, 18(1), 110–139. <https://doi.org/10.18196/afkaruna.v18i1.14164>
- Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan. (n.d.). *Bayan Linnas 153: Hukum penggunaan mata wang Bitcoin*. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/2773-bayan-linnas-153-hukum-penggunaan-mata-wang-bitcoin>
- Scribd. (n.d.). *Perbandingan definisi mal mengikut mazhab*. <https://www.scribd.com/doc/287157887/Perbandingan-Definisi-Mal-Mengikut-Mazhab>
- Mufti Selangor. (n.d.). *Aset digital dan hukum pusaka* [Fatwa explanation]. <https://emusykil.muftiselangor.gov.my/index.php/site/jawapan?id=3169>

- Hanaffi. (n.d.). *Aset digital dan harta pusaka: Cabaran dan peluang di zaman sekarang*. <https://hanaffi.com/aset-digital-dan-harta-pusaka-cabaran-dan-peluang-di-zaman-sekarang/>
- Investopedia. (n.d.). *Satoshi Nakamoto*. <https://www.investopedia.com/terms/s/satoshi-nakamoto.asp>
(Accessed 25 January 2025)
- Securities Commission Malaysia. (n.d.). *Digital assets*. <https://www.sc.com.my/digital-assets>